

Lima projek RM9.6 juta dilaksana tahun ini di Labuan

LABUAN: Lima projek

perumahan bernilai

RM9,630,000 akan dilak-

sanakan di pulau bebas cukai

di sini tahun ini, kata Ketua

Pegawai Eksekutif Perbadan-

an Labuan Dr Fary Akmal

Osman.

Perumahan di bawah

Rancangan Malaysia Ke-12

Persekutuan itu adalah untuk

kesinambungan empat projek

di Labuan Smart City Fasa

1 dan kerja-kerja menaik

taraf kemudahan awam dan

infrastruktur awam. Di antara

Labuan, ibu pejabat kakitang-

gan Perbadanan Labuan dan

dewan komuniti Petai Parau

1 dengan jumlah pembiayaan

RM7,630,000.

Beliau berkata projek ba-

haru untuk tahun ini adalah

pembinaan tapak pelupusan

sanitari baharu dan kerja-

kerja menaik taraf loji rawa-

tan air baru (resap leachate)

bernilai RM2 juta, selepas

semasa, dapat pengurangan

berbanding anggaran kos

RM31,689,000.

"Kami menerima pertutuan

lebih RM9.3 juta untuk

lima projek bagi pelaksanaan

tahun ini dan kami akan

pastikan kesemua projek ini

berjalan lancar di tengah ten-

gah pandemik COVID-19,"

katanya kepada Bernama.

Dr Fary berkata projek

Smart City Labuan

RM2 juta itu adalah untuk

membina siren dan tangkai pin-

tar di 13 kawasan daripada 27

kampung termasuk satu di

pusat bandar.

Pembinaan siren dan

tangkai pinjar itu dengan ker-

jasama Jabatan Meteorologi

Malaysia untuk menyalurkan

maklumat terkini mengenai

cuaca dan bencana alam

kepada penduduk di sini,"

katanya.

Fary juga mendedahkan

sekitang-kurangnya sem-

bilan projek pembangunan

telah dikemukakan untuk

permbayaan kepada Kera-

mentarian Wilayah Perseku-

tuan iaitu pembinaan kemhu-

dahan untuk perusahaan kecil

dan sederhana, kerja-kerja

menaik taraf bangunan Ter-

mina Feti Labuan, Anjung

Budaya dan Tapak Pesta Pan-

tai Layang Layang serta

jalanan pejalan kaki fasa 1

Projek lain yang dicu-

dangkan ialah infrastruktur

rekreasi dan pelancongan

di kawasan bakau Kina

Berewa fasa 2, jalan susur ke

Fasa 1 Pulau Ular Layang

Layang, laluan pejalan kaki

berbumbung, pengindahan

landskap Lapangan Terbang

Labuan dan kerja-kerja me-

naik taraf Bandar Pinjar fasa

2 — Bernama